

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Bahasa mempunyai makna dalam latar kebudayaan yang menjadi wadahnya. Kebudayaan yang menjadi wadah sesuatu bangsa amat dipentingkan dalam menentukan makna sesuatu bahasa itu. Pola hidup, tingkah laku, cara berfikir dan unsur kebudayaan yang lain hanya boleh diterangkan melalui bahasa. Dengan bantuan bahasa, kebudayaan lampau dapat dipelajari. Dalam hubungan ini, bahasa Melayu berhadapan dengan tuntutan zaman yang begitu pantas dalam pembangunan industri dan teknologi, kemajuan perdagangan dan kegiatan ekonomi serta perhubungan antarabangsa yang didukung oleh bahasa-bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris.

Bertitik tolak daripada ungkapan "*bahasa menunjukkan bangsa*", maka bahasa Melayu mesti berupaya mengungkapkan keseluruhan peranannya dalam semua bidang dan cara kehidupan bangsanya. Ini termasuklah bidang kemasyarakatan atau persekitaran, politik, ekonomi, sosial dan agama. Justeru, keterbukaan sikap masyarakat untuk menggunakan dan mengetengahkan khazanah Melayu yang tinggi nilainya seperti kiasan Melayu adalah sangat dituntut. Ini bertepatan dengan pendapat Asmah Haji Omar (1991:17) yang menyatakan bahawa sesuatu masyarakat yang bertamadun, bahasanya kaya dengan kata-kata dalam bidang falsafah. Kata-kata yang berfalsafah memang banyak terdapat dalam kata kiasan sehingga "*tak faham kalau tak direnungkan*".

5.1 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat membuat kesimpulan dalam perkara-perkara berikut:

Tema atau isi kiasan Melayu banyak memberikan gambaran kepercayaan, nilai dan pegangan hidup masyarakat, gambaran perlakuan, tingkah laku serta peraturan yang dipatuhi oleh masyarakatnya. Masyarakat dahulu didapati begitu peka meneliti alam dan kejadiannya serta mampu mengaitkan setiap satunya dengan realiti kehidupan mereka.

Kata yang dipilih seperti '*dedalu*', '*kabus*', '*ombak*', '*badai*' dan lain-lainnya mempunyai nilai falsafah yang tersendiri. Kebanyakan kiasan yang ditemui menggunakan bahasa yang indah dan disusun dengan rapi. Misalnya, kiasan "*ibarat bubuk yang memakan tiang seri masyarakat dan negara*" bukan sahaja mantap daripada susunan bahasanya bahkan mengandungi mesej yang cukup bermakna. Ini membuktikan bahawa kiasan tidak dicipta secara rambang tetapi tercetus daripada pemikiran yang luas dan rasional.

Kiasan Melayu mempunyai multi fungsi iaitu sebagai lambang sopan-santun dan kehalusan budi pekerti, lambang pemikiran kreatif dan kebijaksanaan serta alat komunikatif utama dalam interaksi manusia. Sebagai aktifak budaya pula, penyampaian aturan atau norma dalam kiasan Melayu memang tidak lepas daripada mencerminkan minda Melayu yang dapat diterjemahkan sebagai minda kelompok (kolektif). Sikap kolektivisme ini juga dimanifestasikan dengan istilah seperti '*national character*', '*cultural personality*', '*collective mind*', '*super ego*' dan sebagainya yang merupakan

generalisasi bagi satu kelompok manusia yang berkongsi wilayah dan budaya. Selain daripada itu, kiasan Melayu juga mengungkap nilai dan pandangan hidup sejati yang lahir dari alam semesta, sosial dan budaya Melayu. Oleh yang demikian, kiasan Melayu bertindak sebagai alat desakan sosial dan kawalan sosial masyarakat pendukungnya.

- Kiasan Melayu menzahirkan hubungan antara minda dengan naluri manusia dan interaksi minda dengan alam ciptaan Tuhan. Alam kejadian Tuhan dicerna dalam kiasan Melayu dan dikiaskan kepada realiti kehidupan mereka. Hal ini jelas tergambar dalam kata perbilangan seperti “*kelebihan Nabi dengan mukjizat, kelebihan umat dengan muafakat, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat, air melurut dengan bandarnya, benar melurut dengan muafakatnya*” yang menerapkan nilai kerjasama, toleransi, perpaduan, persefahaman dan agama. Masyarakat penciptanya ternyata mempunyai pemikiran yang bersih, kreatif, kritis dan berhemat. Keempat-empat ciri pemikiran ini memungkinkan mereka mencipta kiasan Melayu yang tinggi falsafahnya.
- Dalam konsep kesantunan berbahasa, kiasan Melayu berkait rapat dengan *world-view* masyarakat. Ia dihasilkan dalam bentuk daya cipta seni yang luar biasa, membentuk pemikiran, sistem nilai, kepercayaan, falsafah dan ketamadunan bangsa. Melalui bahasa kiasan, kritikan atau teguran dapat disampaikan dalam nada lembut tetapi tegas. Ia bertujuan memelihara dan mengekalkan hubungan silaturrahim sesama anggotanya. Nilai budi dan malu mendasari kehidupan masyarakat yang meletakkan kepentingan kolektif pada hirarki yang teratas. Sememangnya nilai berbudi dianjurkan dalam semua

bentuk interaksi anggota masyarakatnya. Nilai malu lebih menekankan harga diri atau maruah individu yang sentiasa menjadi refleksi kepada masyarakat yang menaunginya.

Penggunaan kiasan Melayu dalam bidang pengucapan awam sangat sesuai terutamanya dalam hal-hal yang bersangkutan dengan kritikan, mesej dan nasihat. Ini selari dengan usaha kerajaan untuk membentuk masyarakat madani iaitu masyarakat yang beradab dan bertatasusila. Sehubungan itu, penggunaan kiasan bolehlah dilihat sebagai satu usaha untuk mewujudkan keharmonian di kalangan rakyat. Ia merupakan perintis bukan sahaja untuk mendaulatkan bahasa Melayu tetapi mengetengahkan satu khazanah bangsa yang tinggi nilainya.

Akal Melayu sudah teruji dengan tindakan yang bijaksana selama mereka tidak diselaputi oleh emosi dan sentimen. Ini jelas terbukti melalui penciptaan setiap bidalan dan pepatah yang telah melalui ujian masa serta ujian penggunaannya dalam masyarakat. Aripin Said (1991:38) turut menjelaskan bahawa bidalan dan pepatah ini merupakan “peribadi” bangsa kerana ia menggambarkan watak ahli-ahli bangsa tersebut dalam melalui kehidupan bermasyarakat dengan lingkungan budayanya yang tersendiri. Dalam konteks kajian, bidalan dan pepatah seperti *“biar papa asal bergaya”* dan *“tersilap langkah, antan patah lesong hilang”* tidak terhad kepada sesuatu kaum sahaja tetapi menyeluruh dan ini menunjukkan satu kekayaan dalam bahasa tersebut.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kiasan bentuk peribahasa khususnya perumpamaan lebih banyak digunakan iaitu sebanyak 12 kali berbanding

kiasan berpindah sebanyak 5 kali dan kiasan bentuk bukan peribahasa sebanyak 1 kali. Ini disebabkan ciri-ciri yang terdapat pada kiasan bentuk peribahasa tersebut di samping nilai rasional dan logik yang mendasarinya. Meskipun terdapat beberapa perumpamaan yang agak jarang-jarang digunakan oleh masyarakat iaitu “*seperti ayam dimakan tungau*”, namun pendedahan yang lebih luas mesti dilakukan terutamanya kepada generasi muda kerana terdapat banyak pengajaran.

- Penggunaan kiasan Melayu dalam bidang pengucapan awam ternyata tidak merenggangkan hubungan pengucap dan pendengar. Malahan, ia mampu mengeratkan dan mempengaruhi pendengar supaya lebih peka terhadap matlamat ucapan. Kiasan Melayu yang berfungsi sebagai bahasa sindiran merupakan kaedah terbaik untuk pengucap menyampaikan kritikan dan peringatan kepada pendengar dan masyarakat tanpa menyinggungi perasaan orang lain. Oleh yang demikian, pengucap dapat meluahkan hasrat dan mewujudkan rasa hormat pendengar terhadap pengucap.
- Penggunaan kiasan Melayu juga merupakan satu kaedah atau strategi untuk memujuk, meminta simpati, menasihati, mempengaruhi, menyakinkan, memberi peringatan, menempelak dan mengkritik. Hasil analisis menunjukkan bahawa kesemua strategi ini dapat dicapai sekiranya pengucap bijaksana dan kreatif memilih kiasan yang bertepatan dengan maksud yang hendak disampaikan. Ini bermakna, pengucap menggunakan kiasan bukan sekadar untuk mengindahkan gaya bahasa ucapannya tetapi apa yang lebih penting ialah untuk mencapai matlamat ucapan tersebut.

- Penggunaan kiasan Melayu mempunyai pertalian yang erat dengan komponen-komponen yang terdapat dalam komunikasi seperti kandungan mesej, peraturan interaksi dan norma interpretasi. Ini menunjukkan penggunaan kiasan Melayu merupakan antara gaya bahasa positif yang boleh memantapkan komunikasi.

Kesimpulannya, tiada manusia yang dilahirkan hebat berkomunikasi secara semula jadi sebaliknya mereka perlu mempelajari teknik-teknik berucap yang baik untuk mempertingkatkan kemahiran komunikasi mereka. Seseorang yang bijak berkomunikasi akan memudahkan orang lain untuk menanggap dan memahaminya. Ini bermakna kelancaran komunikasi seseorang itu berkait rapat dengan mindanya. Walau apa pun matlamat komunikasi yang diusahakan, kemahiran dan kecekapan berkomunikasi bukan sahaja bergantung kepada nahu yang diketahui oleh seseorang itu bahkan juga kepada kebolehan menguasai dan menggunakan alat komunikasi secara bijaksana. Justeru, penggunaan kiasan Melayu diharap dapat membentuk minda yang kritis, optimis dan kental dalam menghadapi arus kemodenan. Setiap individu seharusnya bijak memanipulasikan kiasan Melayu sebagai ‘ilmu pengetahuan’ yang tiada nilai dan tolok bandingnya.

5.2 Cadangan

Berikut ini dikemukakan beberapa cadangan bagi mengetengahkan lagi penggunaan kiasan Melayu khususnya dalam bidang pengucapan awam:

- Kajian ini menggesa supaya lebih banyak penyelidikan dilakukan mengenai kiasan Melayu agar ianya tidak terpinggir ditelan arus kemodenan. Pengkaji

mencadangkan agar kajian seterusnya melaksanakan pengkategorian kiasan Melayu berdasarkan bidang-bidang tertentu seperti politik, ekonomi, keagamaan, adat, resam, pendidikan, perniagaan, kemasyarakatan, undang-undang dan sebagainya. Mungkin dengan usaha sebegini dapat memudahkan dan mempertingkatkan penggunaan kiasan Melayu dalam bidang pengucapan awam.

Kasan Melayu perlu dikaji dengan teliti dan penuh kesedaran untuk menjaga keasliannya. Interpretasi yang tidak tepat dan tidak menepati konteks pemikiran dan kebudayaan masyarakat pengamalnya boleh merosakkan hasil tradisi Melayu ini. Dalam hubungan ini, interpretasi hendaklah dilakukan dengan memberikan pentakrifan kepada setiap bentuk kata kiasan. Selain itu, makna kiasan secara tersurat dan tersirat perlu dijelaskan supaya interpretasi menjadi lebih tepat mengikut konteks pemikiran dan kebudayaan masyarakatnya.

Hasil kajian perlu disebarluaskan bukan sahaja kepada masyarakat tempatan bahkan hingga ke peringkat antarabangsa. Kemajuan Teknologi Maklumat (Information Technology) yang tidak membataskan sempadan geografi seharusnya digunakan untuk menyebarkan kemampuan dan kepentingan kiasan Melayu. Melalui cara ini kita dapat merangsang minda masyarakat supaya menonjolkan identiti bangsa melalui penggunaan kiasan Melayu.

Kajian ini telah membuktikan bahawa isi kiasan Melayu banyak memberikan gambaran kepercayaan, nilai dan pegangan hidup masyarakat, gambaran perlakuan, tingkah laku serta peraturan yang dipatuhi oleh masyarakatnya. Oleh yang demikian, pendedahan yang lebih luas perlu diberikan

terutamanya kepada generasi muda yang terabai daripada segi pemupukan nilai dan jati diri Melayu. Mereka harus dibimbing untuk menggunakan peribahasa dengan kerap dan tepat. Dalam hubungan ini, Nik Safiah Karim (1992:29) menjelaskan bahawa ukuran bahasa yang baik ialah bahasa yang tidak mengandungi kesalahan-kesalahan struktur, sebutannya seragam dan sesuai dengan suasana, dilafazkan dengan nada yang bersesuaian dan dengan bahasa yang indah.

Sistem pendidikan mesti mampu memainkan peranan untuk menggubal kurikulum yang bersepadu dan berkualiti selaras dengan falsafah pendidikan negara. Menyedari kepentingan kiasan Melayu dan sumbangannya kepada kemajuan tamadun bangsa, maka elemen kiasan Melayu boleh dijadikan sebahagian daripada kurikulum. Sememangnya, masih belum terlambat untuk kita memperkenalkan salah satu '*great works*' tamadun Melayu ini kepada para pelajar. Golongan pendidik harus mengambil inisiatif untuk membantu pelajar meneroka khazanah Melayu yang tinggi nilainya dalam usaha melahirkan generasi muda yang berwawasan, kreatif, berdaya saing dan mempunyai jati diri.

Pelbagai pihak perlu memberikan sokongan dalam usaha mengetengahkan penggunaan kiasan Melayu. Pihak kerajaan perlu memberi peluang kepada pengkaji-pengkaji muda untuk melaksanakan projek-projek mendaulatkan kiasan Melayu yang berat dan serius supaya fikiran dan tenaga mereka yang segar dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya. Kalangan cerdik pandai perlulah menyenaraikan kiasan-kiasan Melayu berbentuk tradisional dan moden yang wajar diketengahkan. Manakala pihak swasta dan institusi-institusi lain

seperti Dewan Bahasa dan Pustaka perlu meneruskan usaha yang sedia ada dan mempertingkatkan lagi penggunaan kiasan melalui aktiviti-aktiviti seperti debat, pidato, dialog, seminar dan sebagainya.

- Para pengucap mesti yakin dan sedar bahawa kiasan Melayu mempunyai fungsi yang penting dalam bidang pengucapan awam. Oleh yang demikian, mereka harus bijak memanipulasikan penggunaan kiasan Melayu dengan menggunakan kiasan yang betul dan memberikan interpretasi yang tepat.

Sebagai kesimpulannya, kiasan Melayu merupakan satu khazanah bangsa yang tiada tolok bandingnya dalam mencerminkan peradaban tamadun bangsa. Oleh yang demikian, sudah sewajarnya kiasan Melayu mendapat tempat yang penting, dipelihara kemurnian dan ketahanannya supaya tidak hilang dibawa arus kemodenan. Sememangnya, tidak ada bahasa yang kuno dan primitif sebaliknya setiap bahasa yang ada di dunia ini perlu dicatat, dipelihara, disempurnakan dan diperkembangkan. Biarpun, impak globalisasi mendominasi fenomena dunia tanpa sempadan namun perubahan yang berlaku tidak harus dibiarkan menghakis dan meminggirkan ciri-ciri keindahan dalam bahasa Melayu. Ciri-ciri keindahan ini khususnya kiasan Melayu perlu dikekalkan kerana bahasa sering dikatakan menjadi cermin akal budi dan pemikiran masyarakat yang dengan sendirinya mengakibatkan perkembangan bahasa (Awang Sariyan, 1995:117). Mengetengahkan dan meletakkan kiasan di tempat yang tinggi bukanlah usaha yang mudah tetapi merupakan satu cabaran untuk menguji ketahanan jati diri daripada akar umbi.